

Untuk Siaran Segera
12 Jun 2025

**PNB SERAH ZAKAT PERNIAGAAN LEBIH RM1.2 JUTA
KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH**

SABAH, 12 JUN 2025: Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa Haji Aman, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah berkenan untuk menerima zakat perniagaan Kumpulan PNB berjumlah RM1,263,750.00.

Zakat perniagaan Kumpulan PNB telah disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah di Istana Seri Kinabalu. Turut hadir ialah Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad, Timbalan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Dato' Rick Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, dan Ketua Pengurusan Syariah, Dr. Ahmad Basri Ibrahim.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan kepada pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung-tabung unit amanah yang dikendalikan oleh ASNB. Pemegang akaun adalah dinasihatkan untuk melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

- *Tamat* -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad